

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kenaikan bantuan bulanan kepada warga miskin dan golongan kurang upaya daripada RM300 ke RM500 terutama di bandar raya di mana kos sara hidup semakin meningkat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan bulanan kepada golongan sasar yang memerlukan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, pesakit kronik terlantar, warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana, tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan. Sebagai makluman, falsafah pemberian bantuan kebajikan bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup seseorang. Sebaliknya bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu hidup berdikari.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, KPWKM sedang mengkaji semula mekanisme pemberian bantuan yang disalurkan dengan mengambil kira keperluan asas sesebuah keluarga selaras dengan kos sara hidup semasa. Pada masa yang sama,

Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan *productive welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan. Antara program yang diperkenalkan ialah program 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 140,296 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2013. Program ini menyediakan peluang menjana pendapatan kepada rakyat berpendapatan rendah termasuk penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang produktif agar mereka dapat hidup berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan.